

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 23.3.2017

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk meningkat minat pelajar memilih jurusan STEM (*Science, Technology, Engineering & Mathmatic*) yang menurut Kajian Akademik Sains Malaysia sangat berkurang di peringkat pendidikan menengah atas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang melaksanakan Inisiatif Perkukuhan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Keberhasilan yang dihasratkan daripada inisiatif ini adalah untuk melahirkan murid yang berkebolehan mereka cipta, berfikiran secara logik, menggunakan teknologi, menyelesaikan masalah dan mencipta idea atau sesuatu yang baharu melalui pembelajaran bersepadu merangkumi sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik yang mengaplikasikan konteks dunia sebenar dan menggunakan kaedah *hands-on*.

Aktiviti yang dirancang dalam inisiatif ini pada tahun 2017 dibahagikan mengikut fokus seperti berikut:

1. Murid

Memberi pendedahan, kesedaran dan kemahiran tentang STEM melalui aktiviti pembelajaran bukan formal dan tidak formal seperti aktiviti kelab, pertandingan, pembelajaran STEM berasaskan permainan digital, program realiti televisyen dan lain-lain.

2. Guru

Menerapkan kemahiran STEM melalui kursus, kolokium, persidangan, program mentor-mentee STEM dan sebagainya.

3. Pemimpin sekolah

Kesedaran tentang dasar berkaitan pendidikan STEM serta mata pelajaran dan aliran STEM dan lain-lain.

4. Prasarana

Menaik taraf makmal sains yang rosak teruk dan rosak sedikit serta membekalkan peralatan dan bahan makmal sains.

5. Ibu bapa

Kesedaran tentang kepentingan bidang STEM untuk melahirkan murid yang boleh menyelesaikan masalah dan menjadi seorang yang inovatif dan pendedahan tentang peluang perkerjaan masa hadapan yang memerlukan kemahiran dalam bidang STEM.